



جَبَاتِن كَحَاكِمِن شَرْعِي مَالِيسِيَا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
MALAYSIA

Blok C, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Persint 3 62100 PUTRAJAYA

Tel :603-88709200 / 9201

Faks : 603-8870 9500

Portal Rasmi :

www.jksm.gov.my

Ruj.Kami:JKSM.600-1/2/4 JLD 8 (24)

Tarikh : 11 Syaaban 1446H

: 10 Februari 2025

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO.1 TAHUN 2024


KEPERLUAN PEMFAILAN BORANG PERAKUAN BANTUAN GUAMAN DAN BORANG PEMBERITAHUAN PEMBERIAN PERAKUAN BANTUAN GUAMAN DI MAHKAMAH SYARIAH OLEH PEGUAM JABATAN BANTUAN GUAMAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 5hb. Jamadilawal 1446H bersamaan 7hb. November 2024 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan Keperluan Pemfailan Borang Perakuan Bantuan Guaman (Borang II) dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman (Borang IV) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017 seperti yang berikut:

1. Pemfailan hendaklah dimulakan dengan dokumen wakalah Borang MS 5.
2. Borang MS 5 tersebut hendaklah difailkan oleh Peguam atau Panel-Panel Peguam Jabatan Bantuan Guaman, bersama dengan Borang Perakuan Bantuan Guaman (Borang II) dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman (Borang IV) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017.

3. Kegagalan pemfailan Borang Perakuan Bantuan Guaman (Borang II) dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman (Borang IV) hendaklah menyebabkan pemfailan kes oleh Peguam atau Panel-Panel Peguam Jabatan Bantuan Guaman di Mahkamah Syariah ditolak disebabkan ketidakaturan tersebut.
4. Borang Perakuan Bantuan Guaman (Borang II) dan Borang Pemberitahuan Pemberian Perakuan Bantuan Guaman (Borang IV) adalah seperti di lampiran 1 dan lampiran 2.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HJ MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

Lampiran 1

BORANG II

[Subperaturan 5(1), (2) dan (11)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

Seksyen 11, 15, 16, 16A dan 29H

PERAKUAN BANTUAN GUAMAN

SETELAH menimbangkan permohonan yang dibuat oleh
 yang
 beralamat di

..... untuk diberikan bantuan
 guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971, SAYA MEMPERAKUI bahawa
 berhak untuk bantuan
 guaman di bawah Akta tersebut.

Bantuan Guaman telah diberikan bagi maksud

BERTARIKH
 di....., pada..... haribulan....., 20.....

.....
 Ketua Pengarah Bantuan Guaman

ENDOSMEN

Saya telah menugaskan
 untuk bertindak
 sebagai peguam bagi orang yang dibantu yang disebut dalam perakuan.

BERTARIKH di....., pada..... hari
 bulan....., 20.....

.....
 Ketua Pengarah Bantuan Guaman

Lampiran 2

BORANG IV

[Subperaturan 12(2)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PEMBERITAHUAN PEMBERIAN PERAKUAN BANTUAN GUAMAN

Dalam Mahkamah

Antara

..... Plaintiff/Defenden

Dengan

..... Defenden/Responden

AMBIL PERHATIAN bahawa Perakuan Bantuan Guaman bertarikh
..... hari bulan....., 20..... telah dikeluarkan kepada
..... berkenaan dengan prosiding yang berikut:

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa oleh yang demikian,
.....
..... dalam prosiding ini dari tarikh itu merupakan orang yang dibantu.
Bertarikh pada hari bulan....., 20.....

.....

Ketua Pengarah Bantuan Guaman